

BAB 4 SUMBANGAN ABDUL RAHMAN YA'KUB DALAM DAKWAH DI SARAWAK

4.1 Pendahuluan

Dakwah adalah kerja yang besar dan untuk menggerakkannya memerlukan banyak tenaga yang terlibat dan bekerja secara berpasukan. Dakwah bukanlah kerja yang dapat dilakukan secara individu kerana sasaran yang hendak dicapai adalah besar.

Menurut Rozhan Othman tugas dakwah memerlukan usaha yang serius, dan tersusun rapi, memerlukan kesungguhan, istiqamah, perancangan serta pengurusan yang mantap. Tugas dakwah tidak akan mencapai prestasi yang maksima sekiranya dilakukan secara separuh masa atau menjadikan ia hobi ketika waktu lapang atau kerja yang dilakukan seminggu sekali atau suatu usaha pada ketika mata telah mengantuk.¹

Bab ini akan membincangkan mengenai organisasi dakwah dengan nukilan-nukilan ayat al-Qur'ān dan hadits sebagai asas. Bab ini juga membincangkan perbandingan di antara kerja dakwah yang dilakukan secara individu dengan secara organisasi. Perbincangan mengenai perkara ini mempunyai relevansi penting dalam memerihalkan sumbangan tokoh ini melakukan transformasi gerakan dakwah di Sarawak daripada secara individu oleh kalangan agamawan kepada gerakan berstruktur dan tersusun rapi.

Sebelum meneruskan perbincangan mengenai organisasi dakwah, penulis terlebih dahulu mengemukakan sejarah ringkas negeri Sarawak sebagai pengantar dan bagi menampakkan keutamaan kenapa anjakan dakwah perlu dilakukan di Sarawak.

¹ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, (Bangi Selangor Darus Ehsan: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990), 11

Sejarah sentiasa menjadi elemen terpenting dalam perjalanan sesebuah tamadun kerana ia menyebutkan asal muasal tamadun tersebut. Merujuk kepada Ibn Khaldun;

...Sejarah akan membuat kita faham akan hal ehwal sesuatu bangsa yang terdahulu kerana ia tercermin melalui perilaku mereka. Melalui sejarah kita dapat mengetahui biografi para nabi, sesebuah kerajaan dan dasar-dasar raja-rajanya. Ia membolehkan sesiapa yang berminat menteladani contoh-contoh sejarah sebagaimana dalam bidang agama dan perkara-perkara duniawi...²

Penulis membahagikan sejarah Sarawak kepada tiga fasa iaitu Sarawak Lama, Pra-Merdeka dan Pasca Merdeka.

4.2 Sarawak Lama

Sarawak adalah negeri yang terletak di bahagian timur Malaysia dipisahkan oleh Laut Cina Selatan, iaitu di bahagian utara Pulau Borneo. Pulau Borneo merangkumi tiga buah negara yang berjiran iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei *Dār al-Salām*. Pulau Borneo yang dikenali sekarang pada asalnya telah wujud dari sekian lama dengan sebutan Brunei. Lama kelamaan sebutan tersebut bertukar menjadi Borneo di sekitar abad ke 17M. Sama ada perubahan sebutan itu berlaku dengan sendiri ataupun merupakan sebuah perancangan pihak tertentu yang berusaha menghilangkan nilai-nilai keIslaman Kesultanan Brunei terhadap Borneo, adalah sesuatu yang belum dapat dipastikan.³

² Dewan Bahasa dan Pustaka, *Muqadimah Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992), xix

³ Izziah Suryani Arshad *et al.*, "Borneo Sebelum Penjajahan Barat: Kajian dari Sudut Penguasaan Politik" dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 322.

Pada zaman kegemilangan Kesultanan Brunei, Sarawak adalah sebahagian daripada jajahan Kesultanan Brunei yang luas menganjur dari Tanjung Datu (Sarawak) di selatan hingga ke Manila (Filipina) di utara. Secara tidak langsung pengaruh dan nilai-nilai Kesultanan Brunei tersebar ke seluruh empayar yang dijajah termasuk aspek agama. Oleh yang demikian perkembangan Islam di Sarawak berkait rapat dengan peranan para pembesar Kesultanan Brunei dalam rangka menyahut tanggungjawab dakwah yang suci dan ketaatan mematuhi titah istana.

Perkembangan Islam di Brunei serta wilayah jajahannya begitu maju terutamanya semasa zaman pemerintahan Sultan Brunei III iaitu Sultan Ali Bilfakih.⁴ Beliau bertanggungjawab terhadap penyebaran Islam di Brunei melalui pedagang-pedagang Arab dan juga melalui perkahwinan silang di antara pedagang asing dengan wanita tempatan.⁵

Sememangnya Kesultanan Brunei merupakan kerajaan yang luas, berdaulat dan perkasa ketika itu. Bagi memastikan pentadbiran jajahan tersebut berjalan dengan baik, pihak istana melantik wakil-wakil istana yang digelar “pengiran” untuk mentadbir dan mengurus di kawasan-kawasan jajahan.

⁴ Sultan Ali Bilfakih : Sebelum menjadi sultan beliau dikenali dengan nama Syarif Ali. Sultan Sharif Ali ibnu Sharif Ajlan (1425-1432) naik takhta pada TM 1425 bagi menggantikan mertua baginda, Sultan Ahmad yang tidak mempunyai waris (putera). Baginda dijunjung untuk menjadi sultan atas persetujuan pembesar-pembesar negara dan rakyat Brunei. Baginda keturunan Arab, berasal dari Taif. ‘Pedang Si Bongkok’ yang dibawa baginda bersama ke Brunei itu membuktikan baginda pernah menjadi Amir Makkah iaitu Al-Amir Sharif Ali bin Sharif Ajlan bin Sharif Rumaithah bin Sharif Muhammad Abu Numaie Al-Awwal, mempunyai jurai keturunan daripada Nabi Muhammad SAW melalui cucunda baginda, Sayidina Hasan. Memandangkan jasa dan kearifan baginda menyebarkan ajaran Islam maka baginda dijodohkan oleh Sultan Ahmad dengan puteri baginda, Puteri Ratna Kesuma. Baginda lindung (mangkat) pada TM 1432 dan digantikan oleh putera baginda, Pengiran Muda Besar Sulaiman – <http://www.history-centre.gov.bn/sultanbrunei.htm> , dicapai 10 Oktober 2012

⁵ Md. Amin Haji Abdul Rahman (2003), “Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka”, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 434-436

Hasil mahsul yang diperolehi dari tempat-tempat berkenaan akan disumbangkan kepada pihak sultan pada kadar yang tertentu dan juga untuk kegunaan setempat. Sejak sekian lama keadaan pemerintahan Kesultanan Brunei berjalan dengan baik, aman serta tiada masalah sehinggalah berlaku keonaran yang berpunca dari salah seorang wakil yang bernama Pengeran Indera Mahkota. Beliau menindas masyarakat setempat dan memaksa mereka bekerja kuat untuk mendapat keuntungan peribadi beliau. Masyarakat yang tidak tahan dengan keadaan tersebut akhirnya bangun memberontak melawan beliau.⁶

Kekacauan yang pada peringkat awalnya hanyalah diibaratkan riak-riak air di tasik akhirnya menjadi badai di lautan luas dan tidak terkawal lagi. Pengeran Muda Hashim yang ketika itu menjadi Wakil di Sarawak⁷ telah diamanahkan untuk menangani Pengeran Indera Mahkota tetapi kurang berjaya.

Pada tahun 1839 James Brooke⁸ datang ke Sarawak kerana menjadi utusan kerajaan British menghantar hadiah kepada Pengeran Muda Hashim yang telah berjasa

⁶ Muhammad Rakawi Yusuf (1890-1936), *Hikayat Sarawak*, ditransliterasikan dengan pengenalan oleh Nordi Ahcie (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2011), 74-75

⁷ Sarawak yang dimaksudkan ketika itu hanyalah sekitar Bandar Kuching sekarang – Abdul Razak Abdul Kadir, “Sejarah Dan Perkembangan Majlis Islam Sarawak Dalam Pendidikan Dan Zakat (1955-1991)” (tesis kedoktoran Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 30

⁸ James Brooke dilahirkan di Banares, pada 29 April 1803 di India. Ketika itu bapanya sedang berkhidmat dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Pada usia dua belas tahun ia dihantar bersekolah di England. Semasa beliau belajar secara kebetulannya pelajaran itu telah diwartakan sebagai satu pengukuran pangkat dalam tentera Bengal bagi tahun 1819. Selepas tamat pengajian James Brooke juga telah berkhidmat dengan cemerlang dalam Perang Inggeris-Belanda Pertama dan pada awal tahun 1825, ia mendapat cedera parah lalu dihantar pulang ke negeri asal. Apabila bapa James Brooke meninggal dunia, beliau meninggalkan wang sebanyak 30,000 paun kepada anaknya James Brooke. Pada mulanya ia tidak tahu apa yang harus dibuat dengan wang sebanyak itu, namun pada bulan Mac 1836, James Brooke membeli sebuah kapal layar yang bernama *Royalist* dengan muatan 142 tan dan dilengkapi dengan senjata. Kemudiannya beliau belayar ke timur dan sampai ke Singapura pada tahun 1838 dan diminta oleh Gabenor George Borham untuk ke Kuching bagi menyampaikan ucapan terima kasih kepada Pengeran Muda Hasyim kerana membantu kapal Inggeris yang terdampar di pantai Sarawak. Tujuan utama Brooke belayar ke timur kerana untuk membuat penyiasatan saintifik. Beliau juga amat meminati Sir Stamford Raffles dan ia yakin pengunduran Syarikat Hindia Timur dari Jawa adalah satu kesilapan

menolong kapal kerajaan British yang karam di Kuala Sungai Sarawak.⁹ Setahun kemudian, beliau datang sekali lagi ke Sarawak dan telah membuka ruang kepada Pengeran Muda Hashim mengadakan pakatan dengan James Brooke bagi menentang Pengeran Indera Mahkota. James Brooke menetapkan syarat yang lumayan dan menguntungkan dirinya dalam misi menghalau Pengeran Indera Mahkota akhirnya berjaya dan diberi kuasa di kawasan-kawasan yang berjaya ditakluki bersama Pengeran Muda Hashim. Setelah itu James Brooke mengatur strategi yang penuh dengan muslihat sehinggalah beliau menguasai sebahagian besar tanah Sarawak.¹⁰

Empayar Kesultanan Brunei yang luas akhirnya jatuh satu demi satu ke tangan James Brooke dan begitu juga kepada pengganti beliau iaitu Charles Anthony Brooke.¹¹

besar. James Brooke sampai ke Sarawak pada 15 ogos 1839 dan berlabuh di Sungai Sarawak dan bertentangan dengan rumah Pengeran Muda Hasyim. Ini adalah pertemuan kali pertama James dengan Pengeran Muda Hasyim dan lalu memberikan hadiah dan surat ucapan terima kasih kepada Pengeran Muda Hasyim yang dikirim olehgabenor dan dewan perniagaan singapura atas jasa baik beliau menolong kelasi-kelasi kapal Inggeris yang karam di perairan Sarawak. Mereka juga menjalin hubungan persahabatan sejak pertemuan pertama tersebut.

<http://bizniz87.wordpress.com/2009/04/10/sejarah-sarawak/> , dicapai 10 Oktober 12

⁹ Azhar Bin Ahmad, “Masyarakat Bidayuh Di Bahagian Pertama Sarawak : Satu Kajian Mengenai Proses Pengislaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Kalangan Mereka” (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987/88), 15

¹⁰ Putit Matzen, “Perkembangan Islam di Sarawak Dan Majlis Islam Sarawak dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain et al (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 722

¹¹ Charles Brooke anak saudara kepada James Brooke dan memerintah Sarawak hampir 48 tahun. Beliau dilantik menjadi Raja Sarawak kedua pada 3 ogos 1868 dan mengangkat sumpah pada 11 Okterber 1868. Beliau seorang yang permurah tetapi berpendirian tegas. Charles juga dianggap seorang yang berfikiran terbuka, cergas dan menggunakan kewarasan politik dalam pentadbiran. Tugas utama Charles ialah untuk menyusun pentadbiran memastikan kerajaan tidak banyak berhutang seperti zaman bapa saudaranya. Beliau juga menjalankan dasar berjimat cermat dalam pemerintahannya. Sarawak dibahagikan kepada tiga bahagian, setiap bahagian ditadbir oleh seorang Residen (Eropah) dengan dibantu oleh seorang Penolong Residen dan Pegawai Daerah. Bagi pentadbiran anak negeri, ketua-ketua tempatan orang Melayu, Cina dan Dayak terus dikekalkan. Ketua-ketua ini dilantik oleh Residen. Masalah-masalah dalam masyarakat akan dikendalikan oleh ketua masyarakat masing-masing. Kadang kala raja sendiri terpaksa campur tangan apabila masalah yang timbul melibatkan antara dua kaum atau lebih.

Charles Brooke juga membawa masuk mubaligh-mubaligh Kristian yang bermazhab Roman Katolik. Tugas mubaligh adalah untuk mengkristiankan penduduk tempatan terutamanya pendudk

4.3 Sarawak Pada Fasa Pra Merdeka

Zaman pemerintahan James Brooke di Sarawak mengisi lipatan sejarah tersendiri negeri Sarawak. Berbagai tulisan dan bingkisan sejarah telah terpahat tentang Bumi Kenyalang berkaitan Rajah Brooke dari kisah suka dan dukanya. James Brooke pernah menyatakan penduduk asal Pulau Borneo adalah lanun dan mengamalkan hidup bercorak kanibalisme. Walau bagaimanapun, kenyataan Brooke ini perlu diperhalusi dan tidak boleh diterima sepenuhnya atau dinafikan begitu sahaja kerana mempunyai asas sejarah tersendiri.

Bagi penulis, melihat kenyataan Brooke di atas sudah tentu tidak boleh diterima bulat-bulat kerana menyembunyi maksud sebenar yang tidak berjaya diungkap secara langsung oleh sejarah tetapi terdapat bukti-bukti lain yang menjelaskannya.

Menurut D.G.E Hall,¹² pulau Borneo menjadi tanah rebutan kuasa-kuasa barat seperti China, Belanda, Portugis, Inggeris untuk tujuan monopoli hasil bumi yang banyak seperti rempah, permata, emas, damar, kayu-kayan dan sebagainya. Perkara ini menjadikan penduduk asal Borneo tertindas bahkan menjadi buruh paksa kepada penjajah berkenaan, manakala sebahagian yang lain lari mencari penempatan baru yang lebih selamat dari gangguan penjajah untuk dijadikan tempat tinggal. Dalam

yang masih mengamalkan agama animisme. Selain itu, beliau mewujudkan sekolah-sekolah dan beberapa kemudahan yang lain.

Dalam perkara ini, beliau memang bersikap sebagai seorang yang imperialis. Charles tidak begitu berminat untuk menambahkan kekayaan Negara tetapi beliau lebih cenderung untuk meluaskan jajahan Sarawak. Charles menjalankan dasar perluasan kuasa ke arah utara ini iaitu bermula sejak zaman Raja Putih pertama lagi dan disambung oleh Charles Brooke. Beliau telah meminta daerah Baram daripada Sultan Brunei pada awal tahun 1868, sebagai gantinya baginda akan mendapat bayaran yang sewajarnya setiap tahun. Selain itu, Charles juga merancang hendak menambah kawasan pantai Sarawak supaya menjadi seratus batu panjang –

<http://bizniz87.wordpress.com/2009/04/10/sejarah-sarawak/>, dicapai 10 Oktober 12

¹² D.G.E. Hall merupakan seorang Profesor Emeritus bagi sejarah Asia Tenggara di Universiti Of London.

masa yang sama, tersemat dendam dan perasaan memberontak yang kuat dalam diri mereka terhadap penjajah. Oleh yang demikian mereka menyerang kapal-kapal penjajah yang berlayar melalui perkampungan mereka untuk mengambil kembali hak-hak mereka yang dirampas oleh penjajah. Perkara ini menjadi semakin popular di kalangan masyarakat asal Borneo sehingga banyak perkampungan mereka tersebar sepanjang tebingan sungai.¹³

Pada pandangan penulis, inilah yang sebenarnya yang tersirat disebalik kenyataan Brooke terhadap penduduk asal Borneo. Sikap penduduk tersebut bukanlah sikap asal mereka tetapi merupakan reaksi atau tindak balas dari penindasan para penjajah yang rakus tersebut. D.G.E. Hall menyebut;

...Tidak dapat disangkal lagi bahawa peringkat genting dalam kurun kedelapan belas dan “kecelakaan dahsyat” pada kurun kesembilan belas terutama sekali akibat daripada keadaan kacau bilau dalam perniagaan bumiputera di Nusantara kerana kesan pengaruh Portugis dan Belanda dalam kurun keenam belas dan tujuh belas. Dan jika dibandingkan dengan cara Portugis yang bersendirian memperkayakan diri mereka, maka cara Belanda membina monopoli perniagaannya dengan teratur serta dirancang dengan rapi adalah sebab yang tunggal bagi keruntuhan dan keadaan kacau-bilau dalam kerajaan tempatan. Maka inilah yang sesungguhnya yang menggalakkan lanun hingga tidak ada tolok bandingnya, apatah lagi bila merosotnya kuasa Syarikat Hindia Timur Belanda dalam abad kelapan belas...¹⁴

Kedatangan James Brooke telah menyemai bibit persaingan terhadap perkembangan Islam yang sedang bertapak kukuh ketika itu dengan pengaruh-pengaruh Kristian. Keberadaan James Brooke di Sarawak telah membawa bersama

¹³ D.G.E. Hall, *History Of South-East Asia: Sejarah Asia Tenggara*, terj. Dewan bahasa Dan Pustaka (Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987, cet. ke-8), 640-642

¹⁴ *Ibid.*, Hall, 650

kewujudan institusi-institusi ajaran Kristian dan kemudian ianya berkembang dengan pesat.¹⁵

Misi James Brooke bukan sekadar bersifat peribadi untuk bermastautin di Sarawak tetapi merupakan misi ajaran Kristian yang dianutinya selama ini dan misi tersebut kelihatan begitu jelas berdasarkan langkah-langkah yang diambil oleh beliau.

James Brooke berhasrat menubuhkan misi '*Church of England*' di bumi Sarawak dan hasilnya, dalam tahun 1847, *Borneo Church Mission* (BCM) telah ditubuhkan. Tidak cukup dengan itu, beliau seterusnya membawa para mubaligh Kristian seperti Reverend Francis McDougall serta pembantunya William Bodham Wright bagi menyebarkan ajaran Kristian di Sarawak. Pada zaman pemerintahan Brooke, Islam kurang mendapat perhatian, oleh itu perkembangan Islam terganggu kerana kekangan dan halangan dari James Brooke tetapi sebaliknya ajaran Kristian mendapat tempat istimewa dan berkembang dengan cepat hasil dari galakan dan sokongan yang diberikan oleh Brooke kepada para mubaligh Kristian.

Sungguhpun usaha dan rencana yang diatur oleh James Brooke untuk menghalang kerja mengembangkan agama Islam menggunakan berbagai cara dan menyeluruh, tetapi tidak mampu menyekat sepenuhnya perkembangan agama Islam yang dilakukan oleh ulama dan guru-guru agama atau golongan agamawan. Lebih-lebih lagi disebabkan Islam telah bertapak lebih dahulu dan kukuh sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak.¹⁶

¹⁵ Mohdmmad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak* (Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989), 4

¹⁶ *Op.Cit*, Matzen,722.

Secara umum layanan Pentadbiran Brooke kelihatan lebih cenderung membantu usaha para mubaligh Kristian berbanding umat Islam. Pentadbiran Brooke ada menyalurkan peruntukan kewangan kepada badan Islam tetapi jumlah yang diberikan adalah sedikit. Peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk digunakan bagi keseluruhan negeri Sarawak yang begitu luas. Begitu juga bidang kusasa yang diberikan kepada badan itu juga terhad. Dari segi jumlah kakitangan yang bertugas juga adalah sedikit sehingga sukar untuk menggalas tanggungjawab yang banyak.

Seorang pegawai Brooke menyebut bahawa sebelum kedatangan Brooke ke Sarawak, pendidikan agama Islam memang sudah diajar di kalangan orang Melayu. Mereka adalah kaum Bumiputera terawal yang mempunyai sistem pendidikan yang dikendalikan di surau-surau atau di rumah-rumah Ketua Kampung dan dikelola oleh guru agama. Usaha tersebut telah memberi harapan kepada umat Islam apabila telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama seperti Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman (1829-1890). Beliau banyak menyumbang kepada kerja-kerja dakwah di Sarawak.¹⁷ Beliau juga dikenali dengan nama Datuk Hakim Keramat.

Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa usaha dan kesungguhan para ulama dan guru agama yang mengembangkan agama Islam di Sarawak tidak sia-sia, bahkan telah mencapai kejayaan. Kemudian usaha tersebut diteruskan oleh cerdikpandai yang datang kemudian seperti Syiekh Othman Bin Abdul Wahab, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Datuk Imam Morshidi (1877-1939),¹⁸ Datuk Hakim Abang Haji

¹⁷ Zulkiple Abdul Ghani *et al.*, “Peranan Tokoh Agama dalam Mengorganisasikan Dakwah di Sarawak Sbelum Merdeka”, dalam, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*, Farid Mat Zain *et al* (eds.) (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 644

¹⁸ Merupakan salah seorang murid kepada Sheikh Othman bin Abdul Wahab dan juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke Masjidil Haram di Mekah. Beliau bertanggungjawab mengubah kaedah pembelajaran daripada belajar di rumah-rumah guru berpindah ke bangunan sekolah. Beliau

Mohideen.¹⁹ Datu Mufti Haji Abdul Kadir Hassan (1928-1988) melanjutkan usaha mereka.²⁰

Pada 1 Mei 1955, Kerajaan Kolonial Inggeris telah menubuhkan Majlis Islam Sarawak (MIS) menggantikan sebuah badan yang ditubuhkan zaman pemerintahan Keluarga Brooke iaitu Balai Datu (*Datu's Court*). Majlis Islam Sarawak (MIS) berperanan dalam mentadbir dan mengurus masyarakat Islam termasuk dalam bidang pembangunan insan.

Penjajahan Brooke telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap umat Islam di Sarawak. Umat Islam ketika itu hanyut dalam perkara yang bercanggah dengan ajaran agama terutamanya di kalangan generasi muda. Ada dari kalangan mereka mempertikaikan kewujudan Allah SWT. Mereka juga memandang rendah terhadap Islam dan menyatakan bahawa agama Islam adalah ketinggalan dan tidak membawa kemajuan.²¹

Perkembangan Islam di Sarawak bertambah rancak dan meningkat terutamanya pada era seterusnya setelah merdeka membentuk Malaysia²² dan penulis membincangkannya pada tulisan seterusnya.

merupakan perintis sehingga tertubuhnya al-Madrasah al-Islamiah yang dulunya dikenali sebagai Al-Madrasatul Morshidiah. Dari sekolah tersebut lahirlah tokoh-tokoh seperti Datuk Mufti Negeri Sarawak, Datuk Haji Abdul Kadir bin Hassan, Ustaz Mohd. Mortadza Haji Daud, Ustaz Awang Pon Awang Sibon dan lain-lain lagi. Selanjutnya beliau merintis jalan yang akhirnya membawa kepada penubuhan Majlis Islam Sarawak. Beliau mengajak tokoh-tokoh lain yang ada ketika itu seperti Mufti Abang Haji Nawawi yang terkenal dalam bidang fekah, Al-Quran dan Tawarikh, Tuan haji Bahauddin seorang ahli dalam bidang fekah, Abang Haji Julaihi seorang ahli falaq dan Tuan Haji Salleh Arif yang menguasai ilmu Al-Quran, fekah dan umum. BINA, h. 103

¹⁹ Merupakan seorang pendidik mengajar secara sambilan dan juga seorang pegawai tetapi mempunyai ilmu agama yang meluas sehingga dilantik menjadi Datuk Hakim-BINA h. 104

²⁰ Abdul Kadir Hassan, [Pondokhabib.wordpress.com/2010/03/05/datuk-abdul-kadir-hassan](http://pondokhabib.wordpress.com/2010/03/05/datuk-abdul-kadir-hassan) , dicapai 13/September/2011

²¹ *Op.Cit*, B.I.N.A, 18

²² Abdul Razak Abdul Kadir, “Sejarah Dan Perkembangan Majlis Islam Sarawak Dalam Pendidikan Dan Zakat (1955-1991)”, (tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 30-40

4.4 Sarawak Pada Fasa Pasca Merdeka

Sarawak merdeka bersama Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Oleh itu sebuah badan pemerintahan negeri telah dibentuk bagi menjalankan tugas mentadbir dan membangun Negeri Sarawak. Berbagai pembangunan telah berlaku sama ada dari sudut infrastruktur, pembangunan bandar, pembangunan luar bandar, pembangunan ekonomi, pendidikan dan termasuk pembangunan insan.

Sarawak telah mempunyai lima (5) orang Ketua Menteri iaitu yang pertama adalah Stephen Kalong Ningkan (1920-1997) dari tarikh 22 Julai 1963 hingga September 1966, yang kedua adalah Tawi Sli (lahir 1934) dari tahun 1966-1970, yang ketiga adalah Abdul Rahman bin Ya'kub (1928-2015) dari 1970-1981, yang keempat adalah Abdul Taib bin Mahmud dari tahun 1981 hingga 2014 dan yang kelima adalah Adenan bin Satem.

Kepimpinan Abdul Rahman bin Ya'kub sebagai Ketua Menteri Sarawak amat menyerlah berbanding dua ketua menteri sebelum beliau. Tokoh ini berjaya membawa keamanan, perpaduan masyarakat, pembangunan dan kemajuan fizikal Negeri Sarawak sebagaimana telah dibincangkan pada bab yang ketiga kajian ini. Tokoh ini mendapati umat Islam menerima pembangunan fizikal yang dibawa dengan baik tetapi beliau bimbang apabila melihat keadaan umat Islam yang masih ketinggalan dan rendah kesedaran agama mereka.

Umat Islam ketika itu kurang mengindahkan tanggungjawab agama dan terdapat di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang mengamalkan kehidupan ala Barat

dengan pesta-pesta dansa, minum arak secara terbuka, berfoya-foya dan pergaulan bebas.²³

Lantaran itu, tokoh ini telah berusaha membawa pembangunan insan kepada penduduk Sarawak terutamanya di kalangan umat Islam yang telah berubah jati diri mereka menjadi pemuja Barat. Bagi tujuan itu, tokoh ini telah melakukan berbagai usaha dan langkah bagi mencapai matlamat pembangunan insan tersebut. Di antara langkah yang diambil oleh tokoh ini, yang terpenting sekali adalah menubuh organisasi dakwah iaitu BINA. Tujuan tokoh ini di sebalik penubuhan organisasi tersebut adalah sebagai medium untuk membawa perubahan yang drastik, komprehensif dan meluas terhadap umat Islam. Penulis akan membincangkan mengenai perkara ini selanjutnya tetapi sebelum itu penulis membincangkan mengenai organisasi dakwah bagi menampakkan pentingnya organisasi ini bagi tujuan dakwah

4.5 Organisasi Dakwah

Sebagaimana telah disebut sebelum ini organisasi adalah susunan personel dalam sebuah struktur yang rapi dengan pembahagian peranan dan tugas untuk mencapai matlamat yang telah dirancang sebelumnya. Pendekatan organisasi ini sangat membantu tercapainya matlamat dakwah yang besar dan dapat meringankan beban yang berat melalui pembahagian tugas dan peranan kepada personel-personel yang terlibat. Pendekatan secara organisasi juga mampu mengelak daripada tersasar daripada tujuan asal kerana ujudnya perancangan rapi dan pemantauan aktif pada pelaksanaannya.

²³ Abdul Rahman Fadzail (Temenggong dan Pengerusi HIKMAH Miri), dalam temubual dengan penulis pada 14 Julai 2013

Penulis yakin bahwa kerja dakwah adalah kerja secara organisasi atau berjemaah berasaskan hujah-hujah berikut;

a) Berdasarkan ayat-ayat al-Qura'ān:-

i. Surah Āli 'Imrān (3) ayat 104 :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Hendaklah ada dari kalangan kamu satu umat yang menyeru kepada *ma'rūf* dan mencegah dari yang mungkar, mereka itulah golongan yang berjaya”. Dalam ayat ini Allah menyebut perlunya sebuah golongan atau sekelompok manusia yang menggerakkan kerja menyeru kepada yang *ma'rūf* dan mencegah dari perbuatan mungkar iaitu dakwah. Seruan tersebut adalah dalam bentuk *jama'* مِنْكُمْ وَلْتَكُنْ

iaitu kolektif bukannya *mufrad* (satu) atau *muṣanā* (berdua).

ii. Ali 'Imrān (3) ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia, kamu menyeru kepada yang *ma'rūf* dan mencegah dari yang *munkar* dan kamu beriman kepada Allah...”. Dalam ayat tersebut Allah juga menggunakan kalimat كُنْتُمْ yang membawa erti kamu iaitu segolongan dari kamu juga bermaksud kolektif.

iii. As-Saf (61) ayat 4 :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَانَتْهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ

“Sesungguhnya Allah mencintai mereka yang berjuang pada jalan Allah berbaris-baris dalam sebuah saf seperti sebuah bangunan yang tersusun kukuh”. Allah menyebut *اللَّهُ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ* yang bermaksud “mereka yang berjuang” dalam ayat tersebut adalah dalam bentuk *jāmā’*.

b) Terdapat juga hadith menyebut mengenai dakwah atau seruan kepada Islam dalam bentuk kolektif seperti;

i. Hadits nabi:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ عَنْ ابْنِ ثَوْبَانَ هُوَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ ثَابِتِ بْنِ ثَوْبَانَ عَنْ حَسَّانَ بْنِ عَطِيَّةٍ عَنْ أَبِي كَبْشَةَ السَّلُولِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

“Sampaikanlah dariku walaupun sebaris ayat.....”. Kalimat *بَلِّغُوا* yang bermakna “sampaikanlah” dalam hadith ini adalah dalam format *jama’*.

ii. Sabda nabi lagi :

فَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ أَمَّا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ يَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلْيَسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَيَقْلِبْهُ وَذَلِكَ أَصْعَفُ الْإِيمَانِ

“Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran hendaklah mengubahnya dengan tangan...”. Kalimat **فَالْيَغْيِرُهُ** yang memberi maksud “mengubahnya” adalah dalam bentuk kolektif.

Ayat-ayat dan hadits di atas menunjukkan bahwa kerja dakwah dilakukan secara berkelompok berdasarkan format kata kerja yang digunakan adalah dalam format *jama'* yang membawa maksud berjemaah atau secara berorganisasi. Himpunan ayat-ayat dan hadits ini memperkuat bahwa kerja dakwah sebenarnya adalah kerja berorganisasi bukan individu. Terdapat ayat yang menyebut tentang dakwah dalam bentuk *mufrad* atau format seorang seperti al-Nahl 125 yang bermaksud : “...Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan *hikmah* dan *mau'izatul hasanah* dan berdialoglah dengan mereka dengan baik...”. Kalimat “serulah” dalam ayat ini berbentuk *mufrad* tetapi ayat ini berbicara tentang metode dakwah bukannya dakwah setepatnya. Ayat-ayat tersebut bukannya bertentangan tetapi memperkatakan dua perkara yang berbeza iaitu dakwah yang hakiki dan metode dakwah. Maka, dakwah secara prinsipnya adalah kerja secara organisasi tetapi tidak dilarang melakukannya secara individu atau dikenali dengan istilah *da'wah farḍīyah*.²⁴

Oleh yang demikian, langkah tokoh ini menubuh organisasi dakwah adalah langkah yang bijak dan berpaksikan reka bentuk dakwah seperti dinukilkan dari

²⁴ Istilah *da'wah farḍīyah* digunakan oleh ustaz Mustafa Masyhur dalam bukunya dengan tajuk *Dakwah Farḍīyah* yang membawa makna kerja dakwah yang dilakukan oleh seseorang kepada sasaran dakwahnya. Menurut beliau *da'wah farḍīyah* ini tidaklah bermakna pendakwah tersebut tidak bergabung dengan organisasi dakwah tetapi dimaksudkan lebih kepada usahanya secara sendirian dalam meyakinkan sasaran dakwah beliau.

ayat dan hadits di atas. Dari satu sudut yang lain menampakkan tokoh ini mempunyai idea dan buah fikiran yang ke depan dan kreatif dalam berdakwah.

Adalah penting bagi pendakwah dan mereka yang terlibat dalam dakwah memiliki pemikiran yang kreatif kerana Allah SWT menggariskan prinsip-prinsip dakwah sambil pelaksanaannya pula memerlukan penggunaan akal pemikiran kerana akan mengkaji tindakan-tindakan hakiki atau alternatif yang digunakan untuk mencapai matlamat dakwah.²⁵

Sekiranya dibuat pengukuran atau perbandingan terhadap kekuatan dakwah secara individu dengan dakwah secara kolektif iaitu melalui organisasi akan nampak jurang yang amat besar dalam kebarangkalian untuk mencapai matlamat dakwah. Untuk itu lihat pada rajah berikut bagi mengetahui perbezaan di antara keduanya;

Jadual 4.1 : Perbandingan gerak kerja dakwah secara individu dan secara organisasi

Gerak Kerja Dakwah			
Secara Individu		Secara Organisasi	
×	Kepimpinan – tugas dipikul oleh seorang atau secara Individu	✓	Ada Pimpinan dan kepimpinan
×	Tiada struktur	✓	Berstruktur / rapi
×	Tiada perancangan kerana bekerja mengikut idea sendiri (<i>ad hoc</i>)	✓	Ada perancangan
×	Tiada pihak yang buat pemantauan	✓	Ada pemantauan pelaksanaan
×	Tiada Pembahagian tugas – monopoli kerja	✓	Ada pendelegasian / pembahagian tugas atau beban

²⁵ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, (Bangi Selangor Darus Ehsan: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990), 69

×	Tiada sasaran yang fokus dan terhad	✓	Sasaran yang pelbagai / meluas
×	Tiada pihak berminat bekerjasama	✓	Mempunyai jaringan kerja
×	Tidak mencapai hasil yang besar	✓	Hasil yang meluas dan banyak
×	Tidak mampu menggalas semua kerja dengan baik	✓	Keupayaan yang tinggi
×	Tiada halatuju yang jelas dan mungkin beribah mengikut citarasa	✓	Memiliki halatuju tetap jangka panjang dan jangka pendek
×	Garapan medan kerja tidak luas	✓	Medan yang pelbagai

Pelaksanaan dakwah secara organisasi berpeluang memberi impak yang jauh lebih besar daripada pelaksanaan secara individu sebagaimana dipaparkan dalam jadual di atas. Tokoh ini telah merombak dan yakin dalam langkah beliau menginstitusikan dakwah dengan menubuhkan organisasi dakwah.

Gerakan pengembangan ajaran Islam yang dilakukan oleh kalangan agamawan sebelum tokoh ini sememangnya memberi kesan yang baik tetapi pada skala yang sederhana dan kurang mampu berdepan dengan cabaran semasa. Gerakan tersebut lebih bertumpu pada perayaan-perayaan kebesaran Islam tanpa penekanan kepada aspek pembangunan insan.

Terdapat empat elemen utama bagi sebuah organisasi iaitu perancangan, pendelegasian tugas, pemimpin dan kepimpinan dan pengawalan dan elemen-elemen ini memerlukan tenaga yang banyak untuk memastikan ia berkesan dan berjalan

menuju matlamat organisasi.²⁶ Sebagai analogi melihat kepada susunan barisan kabinet negara yang memiliki ketua sebagai pimpinan tertinggi kemudian jemaah menteri sebagai yang dipimpin mengurus hal ehwal kewangan, industri, pelancongan, ekonomi, pendidikan, keselamatan dalam negara, menteri luar negara, pertahanan, pertanian, pemantauan, pengauditan, kebajikan dan pembangunan masyarakat serta berbagai lagi jabatan atau kementerian. Tugas-tugas di atas adalah berat dan mustahil mampu dilakukan secara individu dan akan berlaku kekusutan serta keadaan tidak terurus pada negara bahkan boleh menyebabkan huru hara atau *chaos*.

Daripada perbincangan di atas, menampakkan rasional yang tinggi terhadap langkah tokoh ini menubuh organisasi dakwah. Langkah ini telah berkesan dalam mengembalikan jati diri umat Islam yang telah tercemar dan kemudian tokoh ini menerokai dakwah kepada golongan non-Muslim. Organisasi yang dimaksudkan adalah BINA dan penulis membincangkan organisasi ini dengan menelusuri sejarah ringkas penubuhannya. Apakah yang menjadi asas penubuhan organisasi ini dan apakah peranannya dalam menggerakkan dakwah di bumi Sarawak akan dimuatkan dalam perbincangan selanjutnya.

4.6 Sejarah Penubuhan BINA

Tokoh ini mengetuai penubuhan organisasi yang dikenali dengan nama BINA pada tahun 1969. BINA adalah Angkatan Nahdatul Islam Bersatu yang dibaca terbalik setiap huruf pertama pangkal perkataannya membentuk perkataan BINA.²⁷

²⁶ Juanda Jaya, *Dakwah Islamiah Di Sarawak: Kajian Terhadap Pengurusan Dakwah Secara Organisasi*, (Bangi: Tesis Kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 196-197

²⁷ Ucapan Abdul Rahman Ya'kub Sempena 10 Tahun BINA, FNM, 1979, video

Fakta menyebut bahawa penubuhan BINA adalah hasil dari usul yang timbul daripada sebuah kongress yang diadakan pada tahun 1968 iaitu Kongress Islam Malaysia Timur [Timur] di Kuching. Berdasarkan pengamatan penulis berkaitan usul-usul atau resolusi yang terhasil dari kongress tersebut tidaklah secara langsung menyentuh penubuhan BINA. Terdapat sebuah usul yang paling hampir iaitu keputusan yang telah diluluskan, keputusan nombor tiga dari pembentangan kertas kerja oleh Encik Abdul Taib Mahmud yang bertajuk Kedudukan “Orang-Orang Islam Di Malaysia Timur”.²⁸ Keputusan tersebut adalah seperti berikut ;

... Kongress berpendapat bahawa masanya sudah tiba bagi orang-orang Islam memikirkan cara-cara hendak melancarkan pekerjaan mubaligh (missionary work). Sebagai langkah yang pertama ialah diadakan rayuan kepada negara-negara Islam yang kaya dan kepada umat Islam di Malaysia supaya mengadakan satu tabung untuk membiayai perancangan tersebut...

Pada analisa penulis, istilah *missionary work* dalam keputusan di atas sememangnya menggambarkan BINA. Berdasarkan dari gerak kerja dan tujuan-tujuan penubuhan BINA, ia adalah sebuah gerakan *missionary*. Oleh itu penulis yakin keputusan di atas menjadi asas yang paling hampir kepada penubuhan BINA pada tahun 1968. Dan juga adanya bantuan daripada Negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Iraq, Libya, Qatar dan juga dari Indonesia diperolehi bagi membiayai dakwah BINA yang disebut dalam keputusan di atas.

Dalam ucapan sempena 10 Tahun BINA, tokoh ini ada menyebut terdapat desakan dari kalangan belia agar ditubuhkan sebuah pertubuhan sebagai medium yang menghimpunkan umat Islam terutamanya golongan muda.²⁹ Sebelum itu para belia

²⁸ *Op.Cit*, B.I.N.A, 95-102

²⁹ *Op.Cit.*, Sepuluh Tahun BINA, video

tersebut telah mengikuti kursus agama yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS) yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Taib Mahmud.

Penulis selanjutnya juga akan menyentuh serba sedikit perkara yang berlaku di dalam kongress tersebut dari segi latar belakang, para pembentang kertas kerja dan tajuk-tajuk pembentangan seperti berikut:

- a. Abdul Rahman bin Ya'kub, Yang Dipertua BINA.
- b. Abdul Taib Mahmud (Datuk Amar) ketika itu Menteri Pertahanan Malaysia membentangkan tajuk Kedudukan Orang Islam Di Malaysia Timur.
- c. Abang Yusuf Puteh (Datuk) ketika itu adalah Timbalan Yang Dipertua BINA dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak membentangkan tajuk Kematian Orang Melayu Dan Kesannya Terhadap Ekonomi.
- d. Abdul Kadir Hassan (Datuk) ketika itu Timbalan Yang Dipertua BINA dan Mufti Negeri Sarawak membentangkan tajuk Zakat Dan Fitrah Dan Kegunaannya.
- e. Jemuri Serjan (Datuk) yang ketika itu adalah Peguam Negeri bagi Negeri Sarawak membentangkan tajuk Pelajaran Di Kalangan Orang-Orang Islam.
- f. Bujang Nor (Tan Sri) yang ketika itu Setiausaha Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak membentangkan tajuk Islam Dan Ekonomi.³⁰

Secara ringkas disebutkan di sini bahawa kepentingan kongres diadakan adalah sebagai langkah untuk mencetuskan kesedaran di kalangan umat Islam daripada kelalaian serta kealpaan mereka. Selain itu juga adalah untuk mengembalikan umat Islam pada landasan yang asal kerana gejala budaya liar yang telah dibawa oleh

³⁰ *Op.Cit*, B.I.N.A, 90

penjajah tersebar secara meluas dan bertapak kuat di tengah umat Islam. Budaya ini semakin menjadi *trend* terutama di kalangan anak muda Islam sehingga sukar membezakan mereka dengan anak muda bukan Islam dari segi pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, budaya pesta pora, minum arak, berpakaian yang mendedah aurat serta berbagai lagi masalah yang lain.³¹

Oleh yang demikian, penubuhan BINA ketika itu sangat penting dan tepat pada waktunya bagi menangani gejala yang tidak sihat itu daripada berterusan. Disamping itu, kewibawaan dan kepimpinan tokoh ini dalam mengemudi BINA benar-benar menyentap lamunan umat Islam yang mabuk dengan budaya Barat. Tokoh ini mampu menyedarkan mereka daripada mimpi dan angan-angan kosong dan kemudian membawa mereka bangkit untuk memartabatkan dakwah Islam di Sarawak.

Setelah itu BINA mula aktif masuk ke tengah masyarakat Islam dengan membawa mesej dakwah dan juga kepada golongan non-Muslim sebagai usaha mengajak mereka masuk Islam.³² Berbagai program dan aktiviti telah dicanang untuk tujuan tersebut kemudian dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. BINA menjadi jentera dakwah yang aktif bergerak di Sarawak kepada semua lapisan masyarakat.³³

Selanjutnya catatan sejarah kepimpinan BINA merekodkan barisan Presiden atau Yang Dipertua yang berkebolehan seperti berikut:

- a) Abdul Raman bin Ya'kub menjadi Presiden BINA dari tahun 1969 hingga 1988

³¹ *Ibid.*, 70

³² Afida Helmi, "Metode Dakwah Di kalangan Masyarakat Dayak : Satu Kajian Di Bahagian Pertama", (Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, 1991), 77

³³ *Op Cit*, Duet, temubual

- b) Mohd. Mortadza bin Haji Daud (Datuk) menjadi Yang Dipertua BINA dari tahun 1988 hingga 1993
- c) Bujang bin Mohd. Nor (Tan Sri) menjadi Yang Dipertua BINA/HIKMAH dari tahun 1993 hingga 2005; dan
- d) Abdul Aziz bin Dato Haji Husain (Tan Sri) menjadi Yang Dipertua HIKMAH dari tahun 2005 hingga sekarang.

Sejarah BINA terus berkembang dan bercambah sehingga sekarang. Penulis merasakan perlunya menyebut perubahan nama BINA kepada HIKMAH kerana BINA sekarang adalah HIKMAH dan generasi baru tidak lagi menyebut nama BINA bahkan mereka tidak mengetahui maklumat tentang BINA.

Pertukaran nama BINA kepada HIKMAH telah disempurnakan melalui Perhimpunan Perwakilan BINA pada tahun 1994. Perubahan nama tersebut memberi imej dan semangat baru kepada BINA bergerak di zaman moden ini dengan nama HIKMAH. HIKMAH terdiri daripada HIKMAH Bahagian iaitu Bahagian Kuching, Bahagian Samarahan, Bahagian Sri Aman, Bahagian Betong, Bahagian Sarikei, Bahagian Sibul, Bahagian Mukah, Bahagian Bintulu, Bahagian Miri dan Bahagian Limbang. Setiap bahagian mengandungi cawangan masing-masing mengikut saiz bahagian. Terdapat bahagian yang mengandungi dua cawangan, seperti Bahagian Bintulu iaitu HIKMAH Cawangan Bintulu dan Cawangan Kuala Tatau. Rombakan telah berlaku di dalam HIKMAH menjadikan semua HIKMAH Bahagian telah ditukar statusnya menjadi HIKMAH Cawangan dan HIKMAH Cawangan ditukar statusnya menjadi HIKMAH Ranting dengan mengekalkan ahli jawatankuasa yang telah terpilih. Manakala operasi pentadbiran HIKMAH dilaksanakan oleh Ibu Pejabat

HIKMAH diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan barisan pengurus serta kakitangan yang ada.³⁴

Dalam melaksanakan aktiviti dakwah, HIKMAH melebarkan jaringan kerjasama dengan banyak agensi Islam seperti Majlis Islam Sarawak (MIS), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), PERKIM, JAKIM Cawangan Sarawak, PERKIS, YADIM, Pertubuhan IKRAM Malaysia, *Islamic Information Centre* (IIC), bahkan dengan pertubuhan serantau seperti *Regional Islamic South East Asia Pacific* (RISEAP). Dengan kerjasama pintar ini dakwah HIKMAH semakin semarak dan berimpak global.

Daripada sejarah penubuhan BINA di atas, penulis menyatakan bahawa tokoh ini telah mengubah dimensi dan gerakan dakwah daripada gerakan individu kepada gerakan berorganisasi berpaksikan kepada ajaran Islam. Lantaran itu, tokoh ini telah melakukan anjakan yang besar kepada gerakan dakwah sekaligus membawa kepada kejayaan yang berskala besar dalam dakwah di Sarawak. Sebagai indikator pengukuran kejayaan dakwah tersebut, sila lihat jadual kemasukan non-Muslim dari etnik utama di Sarawak kedalam agama Islam di bawah.

Jadual 4.2 : Penyata Bulanan Bilangan Saudara-Saudara Baru [Saudara Kita]³⁵

January – December 1976											
Division	Iban		Chinese		Bidayuh		Melanau		Others		Total
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
First	272	243	38	24	151	148	25	25	17	8	951
Second	56	30	-	-	-	-	-	-	26	25	137
Third	29	32	91	65	-	-	21	24	-	-	280
Fourth	2	7	-	-	-	-	-	-	-	-	9
Fifth	-	23	-	-	-	-	-	-	-	-	23

³⁴ Hamisah Bohari, (Pegawai Sumber Manusia Ibu Pejabat HIKMAH) dalam temubual dengan penulis pada 5 Jun 2014

³⁵ Istilah mua'llaf atau saudara baru telah ditukar kepada Saudara Kita melalui keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah tahun 2004 - <http://www.e-fatwa.gov.my/sabah>

Sixthh	-	19	100	83	-	-	-	-	-	-	202
Seventh	28	20	-	-	-	-	-	-	49	37	134
Total	387	374	229	172	151	148	46	67	92	70	1736
January – December 1977											
Division	Iban		Chinese		Bidayuh		Melanau		Others		Total
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
First	486	406	50	36	170	167	3	9	1	2	1330
Second	1081	693	28	12	-	10	5	12	6	2	1849
Third	34	31	108	37	-	1	15	14	1	-	241
Fourth	6	16	4	3	1	1	1	2	2	3	39
Fifth	1	2	2	1	-	-	-	-	8	4	20
Sixthh	144	87	190	53	-	-	1	-	2	-	477
Seventh	28	17	4	1	-	-	-	-	59	54	164
Total	1780	1252	386	143	171	180	24	37	79	65	4118
January – December 1978											
Division	Iban		Chinese		Bidayuh		Melanau		Others		Total
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
First	83	106	23	19	30	45	3	-	41	7	357
Second	5	1	-	-	-	-	-	-	-	-	6
Third	7	32	28	17	2	5	14	27	1	-	133
Fourth	9	12	3	2	1	-	6	1	8	8	50
Fifth	5	7	-	-	-	-	-	1	8	6	27
Sixthh	20	41	30	13	11	9	-	1	-	-	125
Seventh	1	4	1	-	-	1	-	-	-	-	7
Total	130	203	85	51	44	60	23	30	58	21	705

Sumber : 10 tahun BINA (1969-1979) h. 37

Daripada jadual di atas, menunjukkan adanya gerakan dakwah yang aktif berlaku di Sarawak sehingga berjaya menarik golongan non-Muslim masuk agama Islam. *Division* adalah bermaksud bahagian iaitu bahagian-bahagian yang ada di Sarawak. *First Division* adalah Kuching, *Second Division* adalah Sri Aman, *Third Division* adalah Sarikei, *Fourth Division* adalah Sibu, *Fifth Division* Kapit, *Sixth Division* adalah Miri dan *Seventh Division* adalah Limbang. Pembahagian ini adalah berdasarkan pecahan Negeri Sarawak pada tahun 80-an dan sekarang Sarawak memiliki sebelas (11) bahagian iaitu Bintulu Bahagian Kelapan, Kota Samarahan Bahagian Kesembilan, Bahagian Kesepuluh dan Mukah Bahagian Kesebelas.

Daripada fakta dan data yang ada menunjukkan bahawa anjakan dakwah oleh tokoh ini menerusi BINA ibarat nadi penting kepada kerja dakwah di Sarawak. Sebagaimana disebutkan sebelum ini bahawa BINA adalah “*missionary work*” yang menggariskan gerak kerja secara sistematik dan berobjektif. Tokoh ini telah memperkasakan gerakan dakwah terutamanya di Kuching dan juga Seluruh Sarawak. Selepas penubuhan BINA Kuching, ia juga turut ditubuhkan di bahagian-bahagian lain di Sarawak seperti Cawangan Simanggang (Sri Aman), Cawangan Kalaka, Cawangan Sibul, Cawangan Miri, Cawangan Simunjan, Cawangan Sarikei, Cawangan Lawas, Cawangan Limbang, Cawangan Binatang (Bintangor), Cawangan Bintulu, Cawangan Universiti Malaya. Terdapat 30 buah cawangan lagi yang ditubuhkan di bandar dan di daerah-daerah.³⁶ Dengan adanya BINA di seluruh Sarawak, gerakan dakwah tokoh ini tersebar luas hingga mampu masuk jauh ke kawasan pedalaman Sarawak seperti Tebedu di Serian, Kampung Sungai Gemuan, Skim B di Sarikei, Sekuau di Sibul, Belaga di Kapit, Long Lapok di Miri, di Limbang pula seperti Baram, Lawas. Sekiranya tokoh ini tidak melakukan anjakan dan perubahan drastik dalam menjadi gerakan dakwah berorganisasi dan menubuhkan cawangan-cawangannya adalah sukar untuk melebarkan capaian dan pencapaian dakwah di Sarawak. Secara umumnya, seluruh cawangan ini melaksanakan aktiviti dan program yang menyumbang kepada pembangunan insan dan kemasukan golongan non-Muslim kedalam agama Islam. Bagi tujuan tersebut, seterusnya penulis memaparkan aktiviti-aktiviti yang dipelopori oleh tokoh ini yang pelaksanaannya oleh BINA seluruh Sarawak.

³⁶ *Op.Cit*, BINA, 19

4.7 Lonjakan Aktiviti Dakwah

Tokoh ini melakukan lonjakan aktiviti dakwah dan secara tidak langsung memperbaiki serta memperkasakan gerakan dakwah ketika itu. Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini bahawa gerakan pengembangan agama Islam sebelum itu lebih berpaksi kepada sumbangan dan dedikasi para agamawan. Ianya berpencar-pencar ke serata tempat tanpa kordinasi atau dipusatkan secara kemas dan bersepadu. Oleh yang demikian kerja ini kurang mampu merekodkan pencapaian yang besar dalam dakwah Sarawak ketika itu.

Keadaan ini berubah apabila tokoh ini melibatkan diri dalam gerakan dakwah dan memberi sumbangan yang sangat ketara. Berikut dipaparkan aktiviti-aktiviti dakwah yang diambil oleh tokoh ini.

4.7.1 Surau Setia

Aktiviti yang pertama dipaparkan adalah Surau Setia iaitu sebuah program yang diilhamkan oleh tokoh ini bagi mendekati para pegawai kerajaan yang beragama Islam. Pelaksanaan program ini adalah dengan kekerapan seminggu sekali di tempat yang berbeza-beza mengikut kesesuaian yang ada dan program ini dikendali oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Pengisian program ini oleh mufti Negeri Sarawak dan tokoh ini pernah menyampaikan ceramah dalam program ini. Objektif program ini adalah untuk melibatkan para pegawai kerajaan dengan program agama kerana ada dari kalangan pegawai-pegawai ini memiliki gaya hidup yang bercanggah dengan ajaran Islam.³⁷ Alangkah bahayanya sekiranya para

³⁷ Abdul Rahman Fadzail, Mantan Naib Presiden BINA, dalam temubual dengan penulis pada 14 Julai 2013

pegawai kerajaan ini dibiarkan dalam keadaan yang penuh mungkar kerana di tangan mereka letaknya keputusan-keputusan penting dalam pentadbiran bahagian atau daerah di Sarawak kerana mereka bertugas di berbagai tempat seluruh Sarawak. Program ini telah menyedarkan para pegawai ini akan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim dan menjadikan mereka lebih berjiwa Islam.

4.7.2 Darul Rahmah Pusat Latihan Dakwah BINA

Tokh ini memandang serius aspek pendidikan terutamanya dari kalangan Saudara Kita. Oleh itu sebuah pusat pendidikan golongan ini ditubuhkan pada tahun 1977 bertempat di Jalan Haji Bolhasan Kuching. Pusat ini dinamakan Darul Rahmah Pusat Latihan Dakwah BINA menganjur kelas Fardhu Ain kepada mereka yang baru memeluk Islam.³⁸ Dengan adanya pendidikan serta bimbingan yang baik kepada golongan ini akan membantu mereka mengamalkan Islam dalam hidup mereka.

Bagi menampung keperluan golongan ini di kampung, beberapa orang guru agama akan dihantar ke kampung Saudara Kita di pedalaman untuk mengajar mereka sembahyang dan mengaji. Tokoh ini sendiri pergi ke pedalaman untuk memberi nasihat, mendidik dan mengajar Saudara Kita pengetahuan asas agama Islam.³⁹ Dengan aktiviti ini, keIslaman Saudara Kita lebih baik dan semakin kukuh serta sukar untuk dipengaruhi oleh saudara mara mereka yang tidak Islam.⁴⁰

³⁸ *Ibid.* 10

³⁹ Mohammad Sayed, (perintis dan mantan Penghulu Kampung Darul Islam Belimbing Padawan) dalam temubual dengan penulis pada 1 Mei 2014

⁴⁰ *Op.Cit.*, B.I.N.A, 48-49

Rajah 4.1 : Penuntut Darul Rahmah Pusat Latihan Dakwah



Sumber : Ihsan Perpustakaan HIKMAH, Petra Jaya Kuching Pelajar berfoto di depan bangunan Sekolah Baitul Rahmah Pusat Latihan Dakwah BINA Jalan Haji Bolhassan Kuching.

Pusat ini seterusnya menjadi asas penubuhan Institut Dakwah BINA (IDB) di tapak yang baru Batu 24 Jalan Kuching / Serian Lama, Pedawan bagi menyediakan medium kepada belia-belia Saudara Kita untuk menuntut ilmu agama secara formal. Di antara objektif utama IDB adalah mempersiapkan belia-belia Saudara Kita untuk menjadi pendakwah pada masa akan datang. Selepas berlaku perubahan, institut ini telah diserahkan kepada pihak Lembaga Kebajikan Darul Falah kemudian bertukar menjadi Institut Dakwah Darul Falah (IDDF).⁴¹ Institut ini giat mengambil penuntut dari berbagai etnik dan kaum dari seluruh Negeri Sarawak.

⁴¹ Aturcara Majlis Pelancaran 40 Tahun BINA-HIKMAH 23 Jun 2009, 10

Rajah 4.2 : Foto pelajar Institut Dakwah Darul Falah



Sumber : Institut Dakwah Daarul Falah Dalam Pelbagai Budaya, 28

4.7.3 Foster Home

Tokoh ini melebarkan kerjasama PERKIM Damansara Uama mengendalikan program yang dinamakan *Foster Home*. Program ini adalah penyediaan tempat bagi anak-anak Saudara Kita dan non-Muslim dari Sarawak bermastautin di Semenanjung Malaysia. Tempat tinggal anak-anak ini disediakan, begitu juga dengan persekolahan mereka, makan minum, perbelanjaan dan aktiviti mereka dijaga dengan baik. Persekolahan mereka dipantau dan diurus dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT). Program ini masih berterusan hingga sekarang dan telah menyaksikan kejayaan anak-anak Saudara Kita ini dalam bidang pelajaran bahkan ada yang telah memasuki alam pekerjaan. Anak-anak dari suku Iban, Bidayuh, Penan yang belum Islam akhirnya tertarik dengan agama Islam dan akhirnya menjadi Muslim kerana sekian lama bergaul dengan rakan-rakan mereka yang telah Islam. Di samping layanan yang dari penjaga-penjaga mereka adalah baik dan ini juga memberi kesan yang positif kepada

mereka.⁴² Sebagai mantan Menteri Pelajaran Malaysia, tokoh ini melihat betapa pentingnya anak-anak ini diberikan peluang mengecapi pendidikan yang sempurna dan kehidupan yang selesa bagi menempuh hari mendatang yang penuh dengan cabaran terutamanya sebagai Saudara Kita.

4.7.4 Tadika BINA

Tokoh ini menekankan pendidikan Islam awal kepada kanak-kanak Islam dengan menubuhkan tadika ini. Tadika ini menjadi tadika Islam yang pertama di bandar Kuching dan menjadi pusat yang penting mengasuh kanak-kanak ini dengan amalan serta ilmu Islam. Tokoh ini melihat kepentingan untuk mencorak tunas-tunas muda Islam dengan nilai-nilai mulia dan akhlak yang tinggi bersumberkan Islam, diasuh dan dididik cara berwudhu, sembahyang, doa harian dan mengaji al-Qur'ān.⁴³

Rajah 4.3 : Foto murid Tadika BINA



Sumber : Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya Kuching. Foto menunjukkan murid-murid tadika yang dikelola oleh BINA bersama guru dalam salah satu majlis yang diadakan.

4.7.5 Klinik Bergerak

⁴² *Op.Cit*, 40 Tahun BINA-HIKMAH, 11

⁴³ *Op.Cit*, B.I.N.A, 62-63

Tokoh ini berpandangan jauh dan menyeluruh bukan dahaja menyediakan program-program agama secara langsung tetapi juga mementingkan aspek kebajikan dan kesihatan. Oleh itu tokoh ini mengarahkan pihak BINA mengadakan klinik ini bergerak di kawasan pedalaman. Klinik ini bukan sahaja memberi khidmat kesihatan kepada Saudara Kita di pedalaman, malah juga membina hubungan yang mesra dengan golongan non-Muslim yang ada di tempat berkenaan. Melalui klinik bergerak ini, petugas diterima baik oleh penduduk setempat tanpa merasa sebenarnya mereka telah dilibatkan dalam gerakan dakwah. Mereka juga tidak ada prasangka jahat terhadap klinik ini kerana telah mesra dengan petugasnya.⁴⁴

Rajah 4.4 : Program Klinik Bergerak di pedalaman



Sumber : Ihsan daripada Bahagian Dakwah Pedalaman HIKMAH.

Foto menunjukkan petugas kesihatan yang sedang melakukan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk salah sebuah perkampungan

⁴⁴ Rosman Majid (1985), *Koleksi Temuramah Tokoh-Tokoh* (cet. pertama, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors SDN. BHD,1985), 2

Saudara Kita di pedalaman secara percuma. Biasanya unit Klinik Bergerak ini akan menghabiskan masa sehari semalam bersama penduduk pedalaman sebelum berpindah ke kawasan yang lain.

4.7.6 Ziarah Pedalaman

Dalam skala yang lebih besar, tokoh ini memelopori ziarah-ziarah ke kawasan pedalaman terutamanya ke kawasan golongan non-Muslim. Program ziarah atau dalam bahasa Sarawak dikenali sebagai '*berambek*' yang merapatkan jurang dengan masyarakat pedalaman. Program ini adalah aktiviti santai dengan mengadakan majlis makan bersama masyarakat. Sebelum itu rombongan dari penggerak dakwah dan masyarakat setempat akan mengadakan aktiviti memasak secara bersama-sama. Bahan makanan dibawa dari luar bagi memastikan kebersihan dan status halal makanan. Suasana program adalah mesra diselingi dengan perbualan ringan mengenai perihal kampung, kebun, tanah, budaya, kemasyarakatan, pendidikan dan agama tanpa memberi tekanan kepada masyarakat kampung untuk memeluk Islam. Di antara objektif program adalah mewujudkan rasa selesa dan yakin masyarakat kampung serta bersikap lebih terbuka untuk membincangkan tentang agama Islam dan seterusnya ditawarkan untuk memeluk agama Islam.⁴⁵

⁴⁵ *Op.Cit*, B.I.N.A, 39

Rajah 4.5 : Suasana di salah satu Program Ziarah Pedalaman



Sumber : Ihsan Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya Kuching
Suasana bertemu dengan Saudara Kita di ruai di salah sebuah rumah panjang

Rajah 4.6 : Rombongan Dakwah meredah hutan dan melalui sungai



Sumber : Ihsan Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya Kuching
Keadaan rombongan dakwah merentasi anak sungai di pedalaman. Didalam foto ini terdapat mantan Setiausaha Kerja BINA iaitu Haji Haneef @ Lois Ali menyertai rombongan.

Beberapa siri pengIslaman berjaya dilaksanakan di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak dan dengan ini Islam tersebar jauh ke jantung Sarawak melalui penggerak-penggerak dakwah yang terlatih.

Jadual 4.3 : Rekod kemasukan Islam penduduk peribumi Sarawak

Tarikh	Jumlah Yang Memeluk Islam	Tempat
23/10/1976	78 orang dari keturunan Cina memeluk Islam	Sibu
14/12/1976	159 orang memeluk Islam	Seri Bahagia, Kuching
28/02/1977	263 orang di-Islamkan	Seri Bahagia, Kuching
25/03/1977	76 orang memeluk Islam	Seri Bahagia, Kuching
29/03/1977	29 orang memeluk Islam	Seri Bahagia, Kuching
27/06/1977	500 orang di-Islamkan termasuk Tun Datuk Patinggi Haji Mohd. salahuddin dan keluarga	Istana, Kuching
11/08/1977	291 orang memeluk Islam	Surau Seri Bahagia,
12/08/1977	30 orang keturunan Punan dari Belaga memeluk Islam	Kediaman Timb. Presiden BINA Datuk Abang Haji Yusuf Puteh
20/08/1977	127 orang keturunan Iban dan Cina memeluk Islam	Binatang (sekarang Bintangor)
10/10/1977	99 orang memeluk Islam	Sarikei
12/10/1977	500 orang memeluk Islam	-
12/11/1977	70 orang memeluk Islam	Seri Bahagia, Kuching
22/01/1978	200 orang keturunan Bidayuh memeluk Islam	Serian
20/04/1978	226 orang memeluk Islam	BINA Caw. Binatang.

Sumber : Ubahsuai dari Penerbitan dan Penerangan Perayaan 10 tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (B.I.N.A), Sepuluh Tahun BINA 1969-1979

Rajah 4.7 : Majlis Pengislaman TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak



Sumber : 10 Tahun BINA, Video. Foto memaparkan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Datuk Patinggi Abang Haji Mohd. Salahuddin masuk Islam di pimpin oleh tetamu jemputan dari Arab Saudi yang dijemput oleh tokoh ini.⁴⁶

4.7.7 Perkampungan Baru Islam (PBI)

Tokoh ini memahami keadaan Saudara Kita yang masih belum kuat pegangan agama mereka dan adanya pujukan dari saudara mara mereka yang belum Islam untuk kembali kepada agama lama mereka. Oleh itu tokoh ini membina keadaan yang lebih selesa untuk Saudara Kita menjalani kehidupan sebagai Muslim dengan membina perkampungan baru untuk mereka. Program ini diberi nama Perkampungan Baru Islam (PBI). Walaupun mereka tinggal di perkampungan baru, mereka mengekalkan hubungan kekeluargaan dengan saudara mara mereka yang non-muslim.⁴⁷

Sebagai contoh ialah Kampung Darul Islam Belimbing Padawan. Kampung ini telah mula diteroka pada tahun 1970. Pada tahun 1973 umat Islam dari kalangan Saudara Kita mula mendirikan rumah di kampung ini. Kampung ini merupakan tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan yang dipimpin oleh tokoh ini bagi penempatan baru dan pada tahun 1979. Kampung ini telah dirasmikan dengan nama Kampung Darul Islam Belimbing oleh tokoh ini yang ketika itu menjawat Ketua Menteri Sarawak.⁴⁸

⁴⁶ *Op. Cit.*, BINA, 36

⁴⁷ *Ibid.*, 40

⁴⁸ *Op.Cit*, Mohammad Sayed, temubual

Rajah 4.8 : Rumah Panjang BINA dan suasana perbincangan Saudara Kita Darul Islam Kampung Belimbing Padawan



Sumber : Ihsan Perpustakaan HIKMAH, Petra Jaya Kuching

Sekarang ini terdapat banyak PBI yang dikelola oleh HIKMAH di seluruh Sarawak menunjukkan peningkatan kemasukan golongan non-muslim dari masa ke semasa, berikut adalah data PBI berkenaan;

Jadual 4.4 : Rekod Perkampungan Baru Islam Seluruh Sarawak

Bahagian	Jumlah PBI	Jumlah Keluarga	Jumlah Penduduk
Kuching	31	277	1,140
Samarahan	43	549	2,495
Sri Aman	13	184	776
Sarikei	2	72	347
Mukah	1	91	538
Miri	5	13	67
Limbang	7	28	135

Sumber : HIKMAH Laporan Ringkas Statistik Saudara Kita Di Perkampungan Baru Islam (PBI) Negeri Sarawak

Jadual menunjukkan jumlah PBI yang dikelola HIKMAH di seluruh Sarawak. Pada awalnya PBI hanya terdapat di Bahagian Kuching dan sekarang terdapat PBI seluruh Negeri Sarawak dan jadual memperincikan jumlah keluarga Saudara Kita dan jumlah penduduk dari kalangan Saudara Kita.

Rajah 4.9 : Foto pengasas penubuhan Kampung Darul Islam Belimbing Padawan



Sumber : Ihsan dari Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH Petra Jaya Kuching. Foto ini diambil pada tahun 1972 terdiri dari para pengasas Kampung Darul Islam Belimbing Padawan bersama tokoh ini selaku Ketua Menteri Sarawak dan Presiden BINA

4.7.8 Anugerah Ibadah Haji

Tokoh ini amat peka terhadap pengaruh ketua-ketua Saudara Kita yang telah berkorban meninggalkan agama nenek moyang mereka dan memeluk Islam sebagai pegangan agama yang baru. Bagi memperkukuh keimanan mereka dan memberi imbuhan kepada mereka, sebahagian daripada ketua ini diberi anugerah menunaikan ibadah haji secara percuma. Mereka akan berangkat ke Mekah secara bergilir-gilir berdasarkan kouta yang disediakan. Pengalaman mereka menunaikan haji dan imbuhan tersebut akan dikongsikan kepada anak buah mereka di rumah panjang dan dengan ini telah menaikkan kedudukan mereka. Tokoh ini mengarahkan BINA untuk mengurus beberapa

orang Ketua Kaum dari kalangan Saudara Kita untuk menunaikan haji ke Mekah. Kos dan perbelanjaan ditanggung oleh BINA.

Rajah 4.10 : Beberapa orang Saudara Kita menaiki kapalterbang ketika berangkat menunaikan ibadah haji.



Sumber : Ihsan Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya Kuching. Foto menunjukkan beberapa daripada kalangan Saudara Kita menuju pesawat untuk bertolak ke Mekah menunaikan ibadah haji.

4.7.8 Ekonomi

Tokoh ini juga menyediakan landasan yang baik untuk umat Islam dan Saudara Kita berkecimpung dalam sektor ekonomi. Sebuah koperasi Islam telah ditubuhkan iaitu Koperasi ANIB pada tarikh 15 Disember 1978. Tujuan penubuhan koperasi ini adalah untuk menggalakkan umat Islam menceburi bidang ekonomi seperti dalam sektor pertanian, perladangan kelapa sawit, koko, getah bahkan bidang pelaburan dan hartanah. Tokoh ini juga mengikat bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan premis-premis perniagaan di tengah-tengah bandar Kuching bagi menggalakkan umat Islam menjalankan perniagaan runcit.

Rajah 4.11 : Projek BINA / Mara dalam pembinaan



Sumber : Ihsan daripada Perpustakaan HIKMAH Petra Jaya Kuching

Foto menunjukkan papan tanda projek BINA / MARA dan sebahagian daripada bangunan tersebut yang sedang dalam pembinaan. Projek ini menelan belanja RM400,000.000 bagi menyediakan 69 buah rumah kedai. Kedai-kedai ini akan disewakan kepada Bumiputera sahaja bagi mereka menjalankan perniagaan.⁴⁹

Pada tahun 1988, tokoh ini berhenti daripada memimpin BINA dan hadirnya pimpinan baru untuk meneraju BINA. Seterusnya pada tahun 1994 berlaku perubahan besar kepada nama BINA apabila ditukar menjadi Harakah Islamiah yang dipendekkan menjadi HIKMAH. Gerakan dakwah yang telah dirintis oleh tokoh ini diteruskan dengan imej baru ini bahkan diperkasakan dengan bentuk-bentuk moden.

Beberapa aktiviti HIKMAH yang dicatarkan disini seperti Kursus Intensif Islami (INTI), Kelab Remaja HIKMAH (KRH), Hal Ehwal Wanita (HELWA), Konvoi Belia, Safari dan Pengagihan Bantuan Raya / Ramadhan, Sembelihan dan Pengagihan Daging Kurban, Pusat Latihan Dakwah Lelaki dan Wanita, Tarbiah HIKMAH dan berbagai lagi program bertujuan menyemarakkan gerakan dakwah.

⁴⁹ *Op.Cit*, "Sepuluh Tahun BINA", FNM, 1979, video

Gerakan dakwah yang besar ini mampu digalas dengan baik dan tokoh ini sentiasa hadir memberi khidmat dan dedikasi bagi memastikan ianya berjalan. Disamping itu gerakan ini melibatkan banyak pihak dan individu. Penulis telah menemubual beberapa orang dari kalangan mereka yang pernah bersama tokoh ini dalam gerakan dakwah di Sarawak.

4.8 Pengakuan Terhadap Abdul Rahman Ya'kub

Penulis telah mengadakan temubual dengan beberapa individu dalam mendapatkan maklumat dan fakta yang belum diterbitkan mengenai sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak. Selanjutnya penulis paparkan hasil temubual yang telah dibuat.

4.8.1 Fathi Duet

Beliau merupakan Setiausaha Agung BINA dari tahun 1970 hingga 1980. Beliau juga merupakan Setiausaha Zakat dan Fitrah Majlis Islam Sarawak (MIS) sebelum penubuhan BINA. Beliau terlibat dalam penubuhan BINA dari peringkat awal lagi bersama dengan tokoh ini. Dalam temubual dengan penulis beliau berkongsi pengalaman dan pandangan yang berkaitan dengan sumbangan dakwah tokoh ini dan BINA.

Menurut beliau latar belakang penubuhan BINA adalah hasil dari Kongres Islam Malaysia Timur pada tahun 1968. Pada ketika itu belia-belia Islam telah jauh dari ajaran agama dari segi pegangan hidup serta tingkah laku mereka. Oleh itu tokoh-tokoh masyarakat ketika itu menubuhkan sebuah organisasi yang disebut BINA untuk mengangani gejala tersebut.

Menurut beliau lagi tokoh ini menjadikan dakwah sebagai projek yang penting di Sarawak. Dakwah beliau mencakup berbagai lapisan masyarakat sama ada belia, dewasa lelaki dan perempuan dengan pelaksanaan dua bentuk operasi dakwah iaitu dakwah ke dalam dan dakwah ke luar. Dakwah ke dalam adalah untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang sedia ada ke arah menjadi umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Manakala dakwah ke luar pula adalah terhadap masyarakat non-Muslim di pedalaman Sarawak.

Menurut beliau lagi, di antara sumbangan dakwah Tokoh ini adalah di terhasilnya Kampung Darul Islam Belimbing Padawan yang merupakan kampung Saudara Kita sepenuhnya yang pertama kali diwujudkan. Kampung ini seterusnya menjadi model kepada kampung-kampung Saudara Kita yang lain.

Seterusnya sumbangan dakwah oleh tokoh ini terhadap umat Islam sendiri yang telah mengubah amalan hidup mereka termasuk dari kalangan pegawai atasan kerajaan. Atas arahan beliau, diwujudkan program yang dinamakan Surau Setia iaitu majlis ceramah agama mingguan yang mewajibkan para pegawai kerajaan hadir. Pengurusan Surau Setia diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak supaya memberi tekanan kepada para pegawai berkenaan untuk hadir ke majlis tersebut. Pada kebiasaannya Surau Setia diadakan pada setiap malam Jumaat dan ceramah agama disampaikan oleh *al-marḥūm* Abdul Kadir Hasan dan tokoh ini

sendiri. Dengan ini, Surau Setia telah menyumbang kepada kesedaran di kalangan para pegawai ini untuk kembali kepada ajaran agama Islam.

4.8.2 Bahrudin Mansur

Beliau adalah pendakwah dari sebuah organisasi dakwah yang berpusat di Jakarta Indonesia iaitu Dewan Dakwah Indonesia (DDI). Beliau mula berdakwah di Sarawak sejak tahun 80-an bersama BINA. Beliau banyak mendampingi tokoh ini dalam kerja-kerja dakwah di Sarawak.

Menurut Bahrudin Mansur, tokoh ini mempunyai perancangan yang besar untuk *survival* umat Islam di Sarawak bermula dengan penubuhan BINA sebagai nadi rancangan tersebut. Menurut beliau lagi, salah satu asas utama tokoh ini menubuh BINA adalah untuk menjadi tulang belakang kepada umat Islam sekiranya terdapat ancaman terhadap mana-mana institusi milik umat Islam yang lain. Tokoh ini juga mengasaskan Yayasan Sarawak, Lembaga Amanah Kebajikan Darul Falah, Pertubuhan Saberkas dan sebagainya.⁵⁰

Dari sudut lain, Bahrudin Mansur memuji sikap dedikasi dan bersungguh-sungguh tokoh ini dalam bidang yang diminatinya. Sebagai contoh, beliau menjemput seorang guru tertinggi persilatan *Ai Kido* dari Jepun untuk dibawa ke Sarawak iaitu *Master Yamada* untuk mengajar seni itu.⁵¹ Begitu jugalah dalam bidang-bidang lain seperti ilmu *tarannum*, tarikat dan sebagainya. Beliau akan melakukannya dengan penuh perhatian dan tekun.⁵²

⁵⁰ Bahrudin Mansur (Bahagian Penyelidikan HIKMAH, Ibu Pejabat HIKMAH Petra Jaya Kuching), dalam temubual dengan penulis pada 12 November 2012

⁵¹ *Op.Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

⁵² *Op.Cit*, Mansur, temubual

4.8.3 Suhai Bin Hashim

Beliau adalah Pengerusi HIKMAH Cawangan Belaga di Bahagian Kapit. Beliau melibatkan diri dengan BINA sejak awal tahun 80-an ketika masih belia lagi. Semasa temubual dengan penulis ini dilangsungkan, beliau telah menjangkau usia 69 tahun tujuh bulan. Menurut beliau tokoh ini pernah berkunjung ke Belaga untuk bertemu dengan umat Islam di Belaga dan menyampaikan dakwah disamping mengeratkan silaturahim dengan umat Islam setempat. Menurut beliau lagi perkembangan Islam meningkat dengan pantas dan ketara pada era BINA. Beliau pernah menyaksikan satu rombongan non-Muslim dari etnik-etnik sekitar Belaga seperti Punan, Kenyah, Kayan pergi ke Kuching untuk hadir ke majlis pengislaman beramai-ramai. Rombongan itu singgah di Kapit dan bermalam di rumah datuk beliau sehingga rumah tersebut dipenuhi oleh ahli rombongan tersebut.

Menurut Suhai, tokoh ini datang ke Belaga juga dalam rangka menziarahi datuk sebelah emak beliau dari keturunan Brunei iaitu Awang Sutoh Awang Ibrahim. Tokoh ini mempunyai susur galur dari keturunan Brunei melalui jalur sebelah ibu beliau sebagaimana disebut sebelum ini.⁵³

4.8.4 Abdul Rahman Fadzail

Beliau merupakan pengerusi BINA Bahagian Miri yang pertama pada awal tahun 80-an. Beliau adalah tokoh masyarakat di Miri dan dengan memegang jawatan Temenggong bagi masyarakat Melayu di Miri. Beliau

⁵³ Suhai bin Hashim (Pengerusi HIKMAH Cawangan Belaga, Kampung Melayu Belaga), dalam temubual dengan penulis pada 24 Januari 2012

mula aktif dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan sejak tahun 1965. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Naib Yang Dipertua BINA pada sesi 1976-1978. Menurut beliau, tokoh ini dan BINA telah melonjakan semangat dan kesedaran agama kepada masyarakat. Tokoh ini juga turun ke padang untuk menyampaikan dakwah. Menurut beliau tokoh ini telah berjaya membawa dakwah ke Baram dan melakukan pengislaman di Bario walaupun pada peringkat awalnya terdapat tentangan yang kuat daripada masyarakat non-muslim tempatan.

Tokoh ini merupakan individu yang mengambil berat tentang keadaan umat Islam serta amalan mereka. Beliau banyak mengadakan langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan umat Islam untuk jangka masa panjang seperti menyediakan asas ekonomi yang mantap, perladangan, pembalakan dan saumpamanya. Bahkan tokoh ini mengadakan Surau Setia bagi memastikan ketua-ketua jabatan mengamalkan ajaran Islam dengan baik serta membuang tabiat buruk yang pernah diamalkan.

Menurut Abdul Rahman Fadzail lagi, tokoh ini seorang yang tenang dan tidak tergopoh gapah dalam melakukan kerja atau tindakan dan juga amat gemar bergurau kepada masyarakat menjadikannya disayang. Tokoh ini memiliki peribadi yang baik, merendah diri dan sederhana tetapi tegas pada dasar dan prinsip agama.⁵⁴

4.8.5 Ali Fathullah Harun

⁵⁴ *Op.Cit*, Fadzail, temubual

Beliau merupakan anak kepada al-marhum *Pak Kiyai* Haji Fathullah Harun iaitu Imam Masjid Negeri Sarawak yang dibawa oleh tokoh ini dari Kuala Lumpur ke Negeri Sarawak pada tahun 1979. Ali Fathullah adalah pendakwah bebas yang mengusahakan madrasah di Bintulu, Sarawak yang dikenali dengan nama Madrasah al-Quran.

Beliau terlibat dalam dakwah BINA seawal tahun 1986 sebagai Setiausaha kerja BINA Kuching yang ketika itu dipengerusikan oleh Wan Ali Wan Madhi. Kemudian beliau juga terlibat dalam Klinik Bergerak BINA bersama Ayub Abdul Rahman, Ismail Gusta dan beberapa orang lagi ke kawasan pedalaman memberi khidmat kesihatan dan dakwah. Beliau juga merupakan salah seorang penulis majalah dakwah keluaran BINA seperti al-Huda.

Menurut beliau kerja dakwah yang dilakukan oleh BINA ketika itu adalah kerja yang bersungguh-sungguh walaupun kemudahan yang terbatas. Kerja-kerja dakwah yang bersifat penawaran khidmat dan kebajikan banyak memberi kesan terutamanya kepada golongan non-Muslim di kawasan pedalaman Sarawak. Setelah itu disediakan tenaga pendakwah yang memberi bimbingan susulan kepada mereka setelah mereka masuk Islam dan menjadi faktor penyumbang kepada golongan non-Muslim terbuka untuk menerima agama Islam sebagai agama baru mereka.⁵⁵

4.7.6 Muhammad Sayed

⁵⁵ Ali Fathullah, (Pengasas Madrasah Al-Quran Bintulu dan Pendakwah Bebas), dalam temubual dengan penulis pada 26 September 2013

Beliau merupakan penghulu yang pertama Kampung Darul Islam Belimbing Padawan. Beliau adalah di antara perintis kampung tersebut pada tahun 70-an. Menurut beliau kampung Darul Islam Belimbing Padawan dirasmikan oleh tokoh ini pada 10 Mei 1980 semasa beliau masih menjadi Ketua Menteri Sarawak.

Menurut Muhammad Sayed, mereka merintis kampung tersebut seawal tahun 1970 dan pada tahun 1973, dia telah membina rumah dan pindah ke kampung berkenaan. Menurut beliau lagi, mereka memeluk Islam melalui interaksi mereka dengan anggota Pasukan Angkatan Tentera Malaysia yang bertugas menjaga perbatasan dengan Indonesia pada tahun 70-an.

Kampung tersebut menjadi rahmat kepada mereka kerana dapat memisahkan diri dari saudara mereka yang belum Islam di kampung asal mereka.

Menurut beliau lagi, tokoh ini menubuhkan BINA Kampung Darul Islam Belimbing dan menghantar guru agama untuk memberi bimbingan agama kepada Saudara Kita ketika itu terutamanya bimbingan sembahyang. Di antara guru yang pernah ke kampung tersebut bernama Haji Suut Sulong. Sekarang ini penduduk kampung bertambah ramai dan masjid telah di bina dengan lebih baik.⁵⁶

Rajah 4.12 : Kulit buku Panduan Sembahyang Bahasa Bidayuh

⁵⁶ *Op.Cit*, Muhammad Sayed, temubual



*Sumber : Ihsan dari Perpustakaan Ibu Pejabat HIKMAH Petra Jaya Kuching
Buku terbitan BINA Panduan Belajar Sembahyang Bahasa Bidayuh.*

Kulit depan buku terbitan BINA di dalam bahasa Bidayuh panduan belajar sembahyang. Ini menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh BINA dalam membimbing Saudara Kita mendirikan sembahyang.

4.7.6 Su'udi Arof

Su'udi Arof adalah mantan Setiausaha Kerja BINA pada tahun 80-an dan berasal dari Sadong Jaya Kota Samarahan. Sebelum bekerja dengan BINA beliau terlibat dengan program yang dianjurkan oleh BINA di Sadong Jaya dan bandar Kuching seperti Seni Silat Helang Putih dan Mayang Mengurai ketika belia. Menurut beliau tokoh ini telah berjaya membuka jalan mudah kepada anak Sarawak untuk mendapat tempat secara automatik untuk

seramai sepuluh orang pelajar yang mempunyai keputusan SPM yang cemerlang melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Nilam Puri di Kelantan.⁵⁷

Dengan kemudahan ini membuka ruang yang lebar kepada pelajar-pelajar yang berasal dari Sarawak mendapat peluang belajar dalam rangka meningkatkan generasi berilmu pengetahuan tinggi di Sarawak dari kalangan umat Islam.

4.8 Kesimpulan

Terdapat dua perkara yang penulis simpulkan di sini iaitu;

Pertama adalah langkah yang diambil oleh tokoh ini menginstitusikan dakwah menjadi gerakan secara kolektif melalui organisasi BINA sebagai langkah yang besar dan kedepan yang tidak difikirkan oleh tokoh-tokoh yang ada ketika itu.

Yang kedua tokoh ini telah melebarkan capaian dan pencapaian dakwah di Sarawak apabila berjaya membawa golongan non-Muslim masuk Islam dalam angka yang besar. Pencapaian ini bukan sahaja berskala besar tetapi menampakkan konsistensi yang belum pernah dicapai sebelum ini.

Dalam kesimpulan ini juga penulis membentangkan sejarah ringkas Negeri Sarawak dan sejarah BINA bagi menghubungkan di antara realiti yang berlaku pada umat Islam ketika itu dengan gerakan tokoh ini dan menampakkan rasional yang tinggi kenapa tokoh ini melakukan seruan kepada kebenaran Islam di Sarawak.

⁵⁷ Su'udi Arof, (Mantan Setiausaha Kerja BINA), dalam temubual dengan penulis pada Disember 2012

Pada bab berikutnya, penulis akan menganalisa dan merumus kajian serta membentangkan dapatan untuk diajukan cadangan-cadangan sebelum membuat penutup.